



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN KANTIN MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM BAGI TAHUN 2024 SEHINGGA 2026

Ruj. Fail : MDB 48/7/1/15/2

Tarikh : 14 November 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan yang tinggal dalam Jajahan Bachok yang berminat untuk menjalankan perniagaan pajakan di Kantin Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2026.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan/deposit sebanyak RM100.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulis atasnya "**TAWARAN PAJAKAN KANTIN MDBBPI 2024-2026**" dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini dan dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

**Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 29 November 2023 (Rabu)
bersamaan 15 Jamadil Awal 1445H.**


4. Tawaran pajakan dihadkan sekurang-kurangnya RM 200.00 sebulan, tawaran yang kurang daripada itu tidak akan dilayan.
5. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.
6. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

7. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskan termasuk bayaran deposit.
8. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan kantin pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.
9. Pemajak dan pekerja-pekerjanya hendaklah mendapat Sijil Akuan Kesihatan dari mana-mana Pegawai Perubatan/Kesihatan yang diakui oleh kerajaan.
10. Pemajak hendaklah memastikan harga makanan dan minuman adalah mengikut harga pasaran yang berpatutan. Jika pemajak tidak dapat memenuhi atau melanggar syarat-syarat di atas, pihak Majlis Daerah Bachok berkuasa membatalkan pajakannya tanpa sebarang notis dan wang pertaruhan akan dijadikan hasil majlis.
11. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD EZAZLE BIN MOHD EMBONG)
Setiausaha,

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.

b.p : Yang Dipertua

Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : MDB 48/7/1/15/2
Tarikh : 14 November 2023